



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN HAJI HAPIDIN BIN SAAT**

**OLEH:**

**NURFAZLIANA BINTI ZAINUDDIN**

**2011633668**

**NURUL FAREESYA BINTI IBRAHIM**

**2011264918**

**WAN NORAZILAH BINTI WAN MOHD NORAWI**

**2011437338**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN HAJI HAPIDIN BIN SAAT**

**OLEH:**

**NURFAZLIANA BINTI ZAINUDDIN**

**2011633668**

**NURUL FAREESYA BINTI IBRAHIM**

**2011264918**

**WAN NORAZILAH BINTI WAN MOHD NORAWI**

**2011437338**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim....Segala pujian kepada Allah Maha Kuasa, lagi Maha Penyayang kerana memberi kami kekuatan dan kesabaran dalam menyiapkan tugas ini untuk Pendokumentasian Lisan (IMR604) yang tertakluk. Terdapat banyak perkara yang kami belajar semasa mencapai tugas ini. Kemudian kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah, Madam Nur Kamariah Binti Chik kerana banyak memberikan kami satu garis panduan baru untuk menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga kerana memberikan kami sokongan dan memberi serata bantuan kewangan dan nasihat. Akhir sekali kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami untuk menyokong dan berkongsi maklumat. Jadi, terima kasih banyak untuk semua yang membantu kami untuk mencapai tugas ini.

# ISI KANDUNGAN

Penghargaan .....	i
Isi kandungan.....	ii
Abstrak.....	1
Biodata tokoh.....	2
Transkrip wawancara.....	4
Senarai soalan.....	86
Log wawancara.....	96
Indeks.....	99
Rujukan.....	100
Lampiran.....	102

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Transkrip ini dibuat kerana ingin menyiapkan tugas subjek pendokumentasian sejarah lisan IMR 604. Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tuan Haji Hapidin bin Saat mengenai kerjaya beliau dalam bidang perguruan dan pendapat beliau terhadap bidang perguruan pada masa kini. Temubual ini diadakan di rumah beliau di Kampung Kedai Lalat, Kota Bharu, Kelantan pada 30 Oktober 2013 bermula pada pukul 3.00 petang. Transkrip Beliau memulakan kerjaya sebagai guru pada 17 April 1977. Beliau merupakan seorang guru yang mendapat gelaran tokoh guru pada tahun 1995 dan beliau juga bergerak aktif memberikan ceramah bagi subjek Pengajian Am. Beliau juga terlibat sebagai jurulatih bahas dan pidato peringkat negeri dan banyak menghasilkan juara bahas dan pidato bagi negeri Kelantan. Transkrip ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang terlibat dalam bidang perguruan. Di samping itu, beliau juga banyak bercerita tentang pengalaman beliau semasa bersekolah dan aktiviti beliau selepas bersara.*

**Kata kunci:** Tuan Haji Hapidin bin Saat, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pengajian Am

# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



- Nama** : Tuan Haji Hapidin Bin Saat
- Tarikh Lahir** : 19 September 1953
- Alamat** : Belakang Klinik Kota Jembal, 15200 Kota Bharu,  
Kelantan.
- Asal** : Tanah Merah, Kelantan.
- Bangsa** : Melayu
- Kerjaya** : Pendidik / Penceramah Bebas
- Status** : Berkahwin  
Seorang Isteri Dan Sembilan Orang Anak
- Keluarga** : Anak Pertama Daripada Empat Orang Adik Beradik.
- Pendidikan** : Bachelor of Art Majoring in Economy



# TRANSKRIP

## **TRANSKRIP**

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Tuan haji Hapidin bin Saat berkaitan pengalaman beliau menjadi guru. Rakaman ini telah dijalankan di rumah beliau di Kampung Kedai Lalat, Kota Bharu, Kelantan bertarikh 30 Oktober 2013 pada jam 3.00 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Wan Norazilah binti Wan Mohd Norawi dan dibantu oleh Nurfazliana bt Zainuddin dan Nurul Fareesya binti Ibrahim. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

**Petunjuk:**

**NFZ: Nurfazliana binti Zainuddin**

**NFI: Nurul Fareesya binti Ibrahim**

**WNN: Wan Norazilah binti Wan Mohd Norawi**

**HSS: Tn. Haji Hapidin bin Saat**

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NFI : Assalamualaikum w.b.t saya, Nurul Fareesya binti Ibrahim dan kawan saya Nurfazliana binti Zainuddin dan Wan Norazilah binti Wan Mohd Norawi. Kami merupakan pelajar tahun akhir daripada fakulti pengurusan sistem matlumat Universiti Teknologi MARA. Tujuan kami mewawancara tuan bagi subjek pendokumentasian sejarah lisan IMR 604 yang merupakan salah satu syarat untuk kami melengkapkan semester akhir. Kami amat berbesar hati kerana tuan sudi meluangkan masa untuk diwawancara. Sebagaimana yang kami sedia maklum tuan merupakan seorang tokoh guru dan seorang penceramah bebas. Kami berharap agar tuan dapat berkongsi dengan lebih mendalam**

mengenai pengalaman tuan sepanjang perkhidmatan tuan. Dimana pengalaman ini tidak dapat dijual beli. Bagi memulakan sesi wawancara pada hari ini kami mulakan dengan maklumat latar belakang tuan.

**WNN : Pertama sekali boleh kami panggil tuan dengan panggilan cikgu?**

**HHS :** Boleh *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *takde* [tiada] masalah.

**WNN : Apakah nama penuh cikgu?**

**HHS :** Nama saya Hapidin bin Saat. Tuan Haji *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *pasal* [sebab] *dah* [sudah] pergi ke Mekah.

**WNN : Umur cikgu sekarang?**

**HHS :** Lebih kurang *enam puluh* [60] tahun *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *sembilan belas sembilan* [19 September] baru-baru *ni* [ini] *enam puluh* [60] tahun. *Enam puluh* [60] tahun lebih beberapa hari.

**WNN : Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh keluarga untuk cikgu?**

**HHS :** Kalau anak-anak dia panggil abah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Bila dan dimanakah cikgu dilahirkan?**

**HHS :** Saya lahir di *Tanah Merah* [Kelantan] *lah* [tabiat percakapan orang

Malaysia] *sembilan belas sembilan sembilan belas lima puluh tiga* [19  
September 1953]

**WNN : Sekarang cikgu menetap dimana?**

HHS : Menetap di belakang *Klinik Kota Jembal, Kota Bharu* [Kelantan] *lah*  
[tabiat percakapan orang Malaysia]. *Dulu* [dahulu] namanya *Kedai*  
*Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]  
sekarang sudah sebut *Kota Jembal* [Kota Bharu, Kelantan].

**WNN : Nama penuh ibubapa cikgu?**

HHS : Saat bin Salleh bapa [nama bapa beliau ialah Saat bin Salleh]. Ibu  
Zaharah binti Putih [nama ibu beliau ialah Zaharah binti Putih].

**WNN : Adakah mereka masih hidup?**

HHS : Ya. Kedua-duanya masih lagi tidak meninggal dunia *lah* [tabiat  
percakapan orang Malaysia] menetap di *Tanah Merah* [Kelantan] *lah*  
[tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Bilangan adik-beradik cikgu dan cikgu anak ke berapa?**

HHS : Saya empat orang adik-beradik *dua* [2] lelaki *dua* [2] perempuan dan  
saya anak pertama *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Boleh kami tahu apakah pekerjaan adik-beradik cikgu?**

HHS : Semua adik-beradik saya pendidikannya *tak* [tidak] begitu berjaya menjawat jawatan penjawat awam *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Yang kedua *tu* [itu] bekerja di felda, *dah* [sudah] bersara *dah* [sudah]. Yang ketiga *tu* [itu] suri rumah biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *dekat* [di] kampung dan yang keempat yang bongsu *tu* [itu] isteri kepada seorang pendidik di Jerantut Pahang.

NFZ : **Siapakah nama isteri cikgu?**

HHS : Isteri saya namanya Faridah binti Jusoh.

NFZ : **Apakah pekerjaan isteri cikgu?**

HHS : *Tak* [tidak] bekerja *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] suri rumah sepenuh masa.

NFZ : **Bilakah tarikh cikgu berumah tangga?**

HHS : Lupa *dah* [sudah] *ni* [ini] tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984] lebih kurang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

NFZ : **Berapakah bilangan anak cikgu?**

HHS : Anak saya *lapan* [8] orang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] seorang meninggal dunia *dah* [sudah] jadi ada *lapan* [8], *sembilan* [9] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. [beliau mempunyai *sembilan* [9] orang anak dan seorang telah meninggal dunia jadi tinggal *lapan*

[8] orang].

**NFZ : Apakah nama anak-anak cikgu?**

HHS : Yang pertama nama Asmira yang kedua nama Hamidi yang ketiga nama Hermizi yang keempat nama, arwah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *ni* [ini] Mohd Hafiz yang kelima nama Hasrul Liana yang keenam nama (gangguan bunyi) Mohd Hakimi yang ketujuh nama Mohd Hanif yang kelapan nama Mohd Hidayat yang kesembilan yang kesembilan nama Hawanis Balqis.

**NFZ : Apakah pekerjaan anak sulung cikgu?**

HHS : Anak pertama saya jadi pendidik.

**NFZ : Apakah pekerjaan anak cikgu yang lain?**

HHS : Anak saya yang kedua *tu* [itu] *engineer* [jurutera] syarikat petroleum jenama Shell. Yang ketiga *tu* [itu] pensyarah di *USM* [Universiti Sains Malaysia] yang keempat *tu* [itu] *engineer* [jurutera] bahagian pendingin *inspector welding* [pemeriksa kimpalan] yang kelima *tu* [itu] bekerja sebagai *marketing secretary* [setiausaha pemasaran] yang keenam *tu* [itu] yang seterusnya masih belajar [anak yang keenam dan seterusnya masih belajar].

**NFZ : Kesemua anak cikgu berjaya dalam bidang yang diceburi,**

**bagaimana cikgu mendidik anak cikgu?**

HHS : Itu rezeki Allah Taala *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kami pendidik *ni* [ini] banyak masa di sekolah jadi anak-anak tidak diajar sendiri *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebagaimana kita mendidik anak orang, murid kita. Tapi mengharungi kejayaan ini bukan senang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Tidak semua anak saya cemerlang kebanyakannya berhempas pulas *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kita salurkan mereka ke aliran teknikal yang kemudian-kemudian yang pertama yang pendidik *engineer* [jurutera], pensyarah *tu* [itu] memang cemerlang dari sekolah rendah lagi [anak cikgu yang bekerja sebagai pendidik, jurutera dan pensyarah memang pandai sejak kecil dan anak-anak cikgu yang bekerja yang lain dihantar ke sekolah aliran teknikal]. Yang *engineer welding* [pemeriksa kimpalan] *ni* [ini] saya pernah hantar di sekolah arab masuk balik ke sekolah *SMK* [Sekolah Menengah Kebangsaan] kemudian pergi *teknik* [sekolah aliran vokasional].

NFI : **Adakah mereka menjadikan cikgu sebagai idola mereka?**

HHS : Itu semestinya *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebab tiap-tiap orang anak mesti berbangga dengan ibubapanya.

NFI : **Adakah cikgu sudah mempunyai cucu?**

HHS : Ya. Saya sudah mempunyai *tujuh* [7] orang cucu.

- NFI : Apakah hobi cikgu pada masa lapang?**
- HHS : Biasanya membaca al-Quran. Kalau muda-muda *dulu* [dahulu] suka memancing *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].
- NFI : Apakah cita-cita cikgu ketika kecil?**
- HHS : Saya memang dari kecil *dulu* [dahulu] suka menjadi guru *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dan *Alhamdulillah* [perasaan bersyukur] cita-cita saya tercapai. Mungkin kerana peluang pekerjaan *dulu* [dahulu] senang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] tidak sebagaimana sekarang.
- NFI : Siapakah idola cikgu dan kenapa cikgu memilih idola tersebut?**
- HHS : Kalau kita menghayati Islam cikgu atau pendidik *ni* [ini] memang pekerjaan nabi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] jadi saya menganggap menyambung peranan baginda Rasulullah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebab menyampaikan, mendidik *ni* [ini] kerja yang *tak* [tidak] ada noktah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dalam Islam sebab kita mesti pikul tanggungjawab *seru makruf cegah mungkar* [mengajak kepada kebaikan dan mencegah kejahatan].
- NFI : Apakah pengalaman paling manis yang pernah dialami semasa**



**kecil dahulu?**

HHS : Saya rasa masa belajar *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] apabila dapat bersama-sama keluarga meraikan majlis konvokesyen. Masa *tu* [itu] yang bersejarahnya *Vice Cancellor* [Timbalan Canselor] *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] masa *tu* [itu] ialah Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

**NFI : Dimanakah cikgu mendapat pendidikan awal sekolah rendah?**

HHS : Di *Sekolah Rendah Bendang Nyior Tanah Merah* [Kelantan] *ni* [ini] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] tempat saya, kampung asal saya *ni* [ini]. Kemudian saya sambung ke *Sekolah Menengah Dato' Mahmud Paduka Raja* [Tanah Merah Kelantan]. Selepas *tu* [itu] saya *tak* [tidak] berpeluang mendapat tingkatan *enam* [6] kerajaan tapi saya belajar di sekolah swasta *Maktab Adabi Pasir Mas* [Kelantan]. Dari situ *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya mendapat rezeki masuk universiti. *Universiti Kebangsaan Malaysia* [Bangi Selangor] *batch* [kumpulan] yang kelima masa *tu* [itu] di kampus sementara di Lembah Pantai Kuala Lumpur belum di *Bangi* [Selangor] lagi. Kalau tingkatan *enam* [6] *tu* [itu], *enam puluh lima* [tahun 1965] *enam puluh empat* [tahun 1964] *enam puluh enam* [tahun 1966] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kemudiannya sekolah menengah *tu* [itu] maknanya sekitar *tu* [itu] bawah *enam puluh lima* [tahun 1965]. [beliau berada di tingkatan *enam* [6] pada tahun *sembilan belas enam puluh*

*lima [1965]* dan berada di peringkat menengah pada tahun sebelum tahun *sembilan belas enam puluh enam [1966]*

**WNN : Apakah mata pelajaran yang cikgu minati semasa di sekolah rendah?**

HHS : Di sekolah rendah memang saya suka ilmu matematik *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *dulu* [dahulu] masa di sekolah rendah dia panggil kira-kira dan *congak* [matematik] saya masih ingat *congak* [matematik] *tu* [itu] diletak di akhir waktu belajar dan saya *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] yang paling boleh balik awal kerana dapat menjawab soalan *congak* [matematik]. *Congak* [matematik] *ni* [ini] *macam* [seperti] matematik tambahan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Apakah pencapaian tertinggi cikgu semasa menuntut di sekolah rendah?**

HHS : Saya selalu nombor *satu* [1] atau nombor *dua* [2] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] di sekolah rendah dan saya pernah dipilih mewakili sekolah untuk peperiksaan masa *tu* [itu] masuk ke sekolah asrama penuh tapi saya tidak berjaya, terus masuk ke *Sekolah Menengah Dato' Mahmud Paduka Raja* [Tanah Merah, Kelantan] biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. [cikgu pernah mewakili sekolah untuk menduduki peperiksaan untuk melayakkan diri ke

sekolah berasrama penuh tetapi tidak berjaya dan beliau menyambung pelajaran di sekolah menengah biasa].

**WNN : Kiranya cikgu ini sudah pandai dari sekolah rendah lagi?**

HHS : Lebih kurang (gangguan bunyi) *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *nak* [hendak] kata pandai pun tidak sangat *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sekolah kampung.

**WNN : Adakah cikgu aktif dalam kegiatan ko-kurikulum?**

HHS : Saya masa belajar *dulu* [dahulu] kami sekolah macam baru lepas merdeka padang pun *tak* [tidak] rata saya ke sekolah berkaki ayam kebanyakan murid-murid sekolah kampung *tu* [itu]. [beliau dan kebanyakan murid lain di kampung itu berkaki ayam ke sekolah] Kalau kita bersukan pun acara kampung *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] macam lari bawa gula-gula, bawa telur dalam sudu, cari duit dalam tepung, itulah sukan dan memang saya masih ingat hadiah dia besar-besar bawa balik. Seronok. Bukan kata macam acara sukan sekarang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *seratus* [100] meter, *dua ratus* [200] meter. Macam kalau kita tengok sekarang acara sukenaka *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia], lebih kepada merapatkan hubungan guru, murid dan ibubapa *kalu* [kalau] sekolah rendah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Pada zaman dahulu *tu* [itu] macam kemudahan yang disediakan macam kurang sedikit. Apakah kemudahan yang disediakan?**

HHS : *Dulu* [dahulu] kalau sekolah rendah memang *takde* [tiada] apa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya sempat belajar menggunakan papan batu (gangguan bunyi) darjah *satu* [1] sampai darjah *tiga* [3] papan batu *ni* [ini] kalau kita tengok sekarang macam *whiteboard* [papan putih] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] datang cikgu A dia mengajar kita tulis-tulis, selepas *tu* [itu] kita *sapuh* [padam] balik. Datang cikgu B dia mengajar kita tulis balik dan dia kalau dia periksa dia terus bagi markah dan memang di dalam buku teks memang tidak ada nota, semua kena ingat di kepala.

**WNN : Kiranya cikgu tulis tu didalam---**

HHS : Papan batu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] macam *whiteboard* [papan putih] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kita tulis *sapu* [padam] tapi papan *tu* [itu] batu dan pensil menulis *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] batu kita tulis dia memang ada nampak lepas *tu* [itu] kita *sapu* [padam] guna kain sapu tangan yang dibasahkan air. *Tu* [itu] papan batu. Mungkin zaman awak ini *tak* [tidak]--- tapi saya sempat simpan benda *tu* [itu] tapi *dah* [sudah] lama sangat *dah* [sudah] *dia* [papan batu] *dah* [sudah] pecah. *Dia* [papan batu] macam saiz A4 *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] besarnya lebih kurang. *Belah* [bahagian] depan kosong *belah* [bahagian] belakang *tu* [itu] garis

*dua* [2] separuh garis *tiga* [3] separuh. Garis *dua* [2] untuk tulis jawi garis *tiga* [3] untuk tulis *rumi* [jenis tulisan Bahasa Melayu].

**NFZ : Papan batu tu dibeli atau---**

**HHS :** Memang kena beli *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] (gangguan suara) memang kena beli kalau *dulu* [dahulu] memang. Saya boleh anggap papan batu *tu* [itu] kalau sekarang *whiteboard* [papan putih] *kecik* [kecil]. Cuma *whiteboard* [papan putih] dia ada pen ada *marker* [penanda] kita tulis padam. *Dulu* [dahulu] maknanya papan *tu* [itu] batu dan pensil *tu* [itu] batu dan sekolah *tu* [itu] dia lantai tanah. Saya mengasah pen untuk tajam macam mata pensil *tu* [itu] di tanah lantai sekolah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa menuntut?**

**HHS :** Itu kalau menuntut tadi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] terima ijazah. Kalau peringkat sekolah *ni* [ini] itulah kita disyitihar nombor *satu* [1] bagi hadiah lebih kurang. Seronok *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Agaknya bagaimana hubungan antara guru dan pelajar semasa di sekolah rendah?**

**HHS :** *Dulu* [dahulu] kalau hubungan guru murid amat rapat *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. *Satu* [1] kelas pun tidak ramai dalam

*sepuluh* [10] orang *dua belas* [12] orang dan yang paling *payah* [susah] dapat kerjasama perempuan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebab perempuan *ni* [ini] sampai darjah *enam* [6], ibubapa *dah* [sudah] *tak* [tidak] *benar* [izin] sekolah. Ada guru pergi jumpa ibubapa *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] guru kena marah dan sebab itulah zaman kami *tu* [itu] ramai *laki-laki* [lelaki] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] yang berjaya tinggi-tinggi. Yang perempuan *ni* [ini] dihalang oleh ibubapa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Sikap masa *tu* [itu]. *Sembilan belas lima puluh tiga* [tahun 1953] *sembilan belas enam puluh* [tahun 1960] *tu* [itu] saya darjah *satu* [1] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Baru lepas merdeka

**WNN : Bilakah cikgu mendapat pendidikan menengah?**

**HHS :** Menengah tadi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *Sekolah Menengah Mahmud Paduka Raja Tanah Merah* [Kelantan] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. *Tanah Merah* [Kelantan] dengan *Kampung Bendang Nyior* [Tanah Merah, Kelantan] *tu* [itu] lebih kurang *dua puluh* [20] kilometer *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Saya ulang alik *tu* [itu], *dia* [sekolah] *takde* [tiada] asrama. Ingat petang, kalau sekolah petang, pukul *sembilan* [9] malam baru sampai *kat* [di] rumah.

**WNN : Berjalan kaki?**

- HHS : Separuh jalan naik basikal separuh *jalan tar* [jalan raya] baru ada bas.
- WNN : **Pada tahun berapa?**
- HHS : Sembilan belas enam puluh[1960]\_ \_ \_*lima kali tiga puluh seratus lapan puluh* [5 darab 30=180], pelajar *dua* [2] orang lulus.[daripada kesemua *seratus lapan puluh* [180] pelajar hanya *dua* [2] orang pelajar sahaja yang lulus peperiksaan] Ini bukan salah pelajar *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Sebab itulah saya bercita-cita mahu jadi guru yang terbaik. Sebab guru penting dalam kejayaan murid.
- WNN : **Aktiviti ko kurikulum pada masa itu adakah masih sama seperti cikgu di sekolah *dulu* [dahulu]?**
- HHS : Masih. Sukan ada acara lari acara padang tapi saya masa sekolah menengah *tu* [itu] saya memang aktif berbahas dengan pidato *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Saya suka ambil acara *tu* [itu].  
(Gangguan bunyi)
- WNN : **Boleh kami tahu pencapaian menengah rendah *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] dan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] cikgu?**
- HHS : *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] tidak ada masa *tu* [itu] dia adanya *SRP* Sijil Rendah Pelajaran saya *tak* [tidak] ingat ada *dua* [2] A ke---  
*SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya teruk *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya punya *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *satu* [1] kredit

sahaja Matematik gagal yang lain ambil *sembilan* [9] lulus *tujuh* [7] *lapan* [8] *tujuh* [7] *lapan* [8] *empat* [4]. *Empat* [4] *tu* [itu] lukisan Bahasa Malaysia pun *tujuh* [7]. [beliau mendapat keputusan yang teruk dalam peperiksaan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] iaitu gagal Matematik, pangkat empat untuk subjek lukisan, dan mata pelajaran lain hanya kredit]

**WNN : Selepas tamat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] dimanakah cikgu melanjutkan pelajaran?**

HHS : Tadilah saya sudah sebut saya *tak* [tidak] dapat naik tingkatan *enam* [6] kerajaan saya sambung tingkatan *enam* [6] swasta *Maktab Adabi Pasir Mas* [Kelantan].

**WNN : Adakah cikgu aktif semasa di tingkatan *enam* [6]?**

HHS : Saya jadi pengawas Usaha Majlis Pelajar masa tingkatan *enam* [6]. Boleh dikatakan aktif dalam bahas dan pidato *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] masa *tu* [itu].

**NFZ : Apakah pencapaian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia cikgu?**

HHS : Saya dapat *empat* [4] prinsipal. Masa *tu* [itu] pun *dah* [sudah] cemerlang *dah* [sudah] *tu* [itu]. Principal D Bahasa Malaysia, Sejarah-Ekonomi dan saya dapat E *tu* [itu] Geografi ke saya E *tu* [itu] Ekonomi. Saya gagal dapat principal Geografi.



**NFZ**            **Apakah pengalaman pahit cikgu semasa bergelar pelajar dan semasa bekerja sebagai seorang guru?**

**HSS**            Semasa jadi pelajar *tu* [itu] saya berasal dari keluarga miskin ibubapa saya sebenarnya buta huruf dari *Kampung Bukit Panau* [Tanah Merah, Kelantan] berhijrah di *Bendang Nyior* [Tanah Merah, Kelantan] *tu* [itu] dan saya *anak* sulung. Jadi saya darjah satu *tu* [itu] saya sudah pandai basuh baju sekolah, seluar sekolah sendiri, gosok sendiri dengan setarika arang *tu* [itu] kemudian ibubapa saya menoreh saya balik sekolah *tu* [itu] saya terpaksa *tanak* [masak] nasi, goreng lauk, ikan kering, biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *tu* [itu] sebab anak sulung. Ibubapa saya balik menoreh *tu* [itu]- - - Dulu menoreh tidak macam sekarang getah beku *tu* [itu] jual. Dulu getah pungut bekukan dan buat keping pula jadi pukul *dua* [2], *tiga* [3] baru balik. Jadi biasalah sebab *tu* [itu] saya tahu masak-masak sikit-sikit cari pengalaman. Kemudian berulang alik masa sekolah menengah *tu* [itu] jalan *Bendang Nyior* [Tanah Merah, Kelantan] ke *Tanah Merah* [Kelantan] *tu* [itu] separuh jalan *tu* [itu] jalan (gangguan bunyi) tanah jadi naik basikal, sebab bas *tak* [tidak] lalu. [bas tidak melalui jalan yang tidak bertar jadi beliau terpaksa menaiki basikal] Kalau musim banjir biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] pakaian berlumpur, basah dan basikal *tu* [itu] tayar pun *tak* [tidak] bersih, lekat lumpur lekat--- jadi *tu* [itu] biasa. Sampai pukul *sembilan* [9] malam kalau

sekolah petang. [beliau akan sampai dirumah pada pukul *sembilan* [9] malam jika waktu persekolahan pada waktu petang] *Dah* [sudah] masuk universiti *tu* [itu] bahasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *meme* [memang]--- darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6] *Sekolah Bendang Nyior* [Tanah Merah, Kelantan] *tu* [itu] *takde* [tiada] Bahasa Inggeris kita masuk sekolah menengah *tu* [itu] orang baru tahu kita *red* [merah] *yellow* [kuning] *blue* [biru] *black* [hitam] *white* [putih] memang teruk Bahasa Inggeris kita. Masuk universiti lagi teruk dan kalau berkerjaya pengalaman pahit saya ialah saya ditukarkan tanpa sebab-sebab yang boleh saya fikir munasabah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Cuma nasib baik saya *orang rumah* [isteri] saya tidak bekerja saya pernah *orang rumah* [isteri] saya masih dalam pantang *dua puluh* [20] hari *tiga puluh* [30] hari tukar, pindah, angkat dan tak berani *nak* [hendak] beli pakaian banyak *nak* [hendak] beli pinggan mangkuk banyak sebab takut dipindahkan. Memang Kelantan sensitif *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] pemerintah pembangkang. Kita dilihat pembangkang *pasal* [sebab] ibubapa kita pembangkang padahal kita penjawat awam kita berkecuali tapi itulah hakikatnya pendidikan kita orang Melayu *tak* [tidak] begtu matang *tak* [tidak] boleh terbuka dan karenah itupun menyebabkan saya pencen di sekolah inilah *Chong Hua* [Tanah Merah, Kelantan] walaupun saya disayangi sebagai (gangguan bunyi) aset penting jurulatih forum remaja, jurulatih bahas, jurulatih pidato negeri tapi *tu* [itu] tidak diambil kira *lah* [tabiat

percakapan orang Malaysia] apatah lagi naik pangkat. Saya tak dapat pangkat jadi pengetua walaupun kawan kepada saya boleh jadi pengarah pendidikan, timbalan pengarah, saya guru *PK HEM* [Penolong Kanan Hal Ehwal Murid]. *PK HEM* [Penolong Kanan Hal Ehwal Murid] *ni* [ini] jawatan yang paling tidak disenangi sebab berperang dengan pelajar ada orang yang menjadi *PK HEM* [Penolong Kanan Hal Ehwal Murid] *dua* [2] minggu sahaja lepas *tu* [itu] naik pangkat lagi. Saya *tiga* [3] *empat* [4] *lima* [5] *enam* [6] tahun. Jadi saya nasib baik ada rezeki tingkatan *enam* [6] ada buka DG *lima puluh dua* [DG52] [pangkat untuk guru] jadi saya letak *PK HEM* [Penolong Kanan Hal Ehwal Murid] saya dapat DG *lima puluh dua* [DG52] [pangkat untuk guru] guru tingkatan *enam* [6] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Itulah lebih kurang.

**NFZ** **Adakah cikgu berpengalaman bekerja sebelum bergelar sebagai guru dan apakah pekerjaan tu?**

**HSS** *Tak ade* [tiada] saya terus tidak menganggur dapat masuk universiti walaupun tingkatan *enam* [6] swasta tapi kerja biasa tolong ibubapa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] jadi penoreh, jadi pemungut susu, jadi buat getah keping, biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya anak sulung keluarga. *Tu* [itu] dan tanam padi saya pandai *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] guna padi bukit. Tanam padi, mengetam padi, kita jadi orang kanan tolong keluarga *lah* [tabiat

percakapan orang Malaysia]. Anak sulung, *laki-laki* [lelaki] pula dan empat beradik, adik yang kedua *tu* [itu] *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] *laki-laki* [lelaki] masih jaga adik, adik ketiga *empat* [4] *tu* [itu] baru perempuan. Jadi ibu saya *tu* [itu] dibantu oleh saya *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kalau urusan dapur dapur. Kalau ada kenduri kahwin dulu dia tidak ada sistem upah *ni* [ini], gotong royong. Bapa saya *ni* [ini] terkenal dengan juru kukur kelapa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] jadi saya ikut *team* [kumpulan] bapa saya *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] juru kukur kelapa, jadi pandai *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kukur kelapa. Malam kenduri *kawin* [kahwin] *tu* [itu] sampai *sebelas* [11] *dua belas* [12] malam jadi kalau kenduri *tu* [itu] tumbang seekor lembu jadi bayangkan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] berapa banyak biji kelapa kena kukur. Jadi *team* [kumpulan] bapa saya *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Sekarang baru katering, senang. [beliau menyatakan bahawa masyarakat sekarang menggunakan khidmat katering jadi ia memudahkan kerja semasa majlis perkahwinan] Jadi saya ada pengalaman *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kukur kelapa.

NFZ : Biasanya satu team [kumpulan] *tu* [itu] berapa orang?

HSS : *Taklah* [tidak] ramai, biasanya adalah dalam *lima* [5] *enam* [6] *tujuh* [7] orang biasanya. Tapi saya salah seorang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] walaupun masa *tu* [itu] darjah *empat* [4] darjah *lima*

[5] sekolah menengah ikut pandai *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kukur kelapa dengan kukuran bukannya dengan mesin kelapa sekarang. Kukuran kelapa *tu* [itu] orang Kelantan *kata* [panggil] *kore* [kukuran] kukuran sebenarnya

**NFZ** **Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan kesemua buah kelapa tersebut?**

**HSS** Tengok *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kalau *dua ratus* [200] biji maknanya--- kalau *seratus* [100] biji maknanya *seratus* [100] biji macam *dua ratus* [200] sebab dia *belah* [potong] *dua* [2] (gangguan bunyi) jadi kalau kita *tujuh* [7] orang maknanya bahagi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *dua ratus* [200] *tu* [itu] jadilah macam *dua puluh* [20] seorang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. *Dua puluh* [20] seorang macam *sepuluh* [10] biji kelapa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Sebenarnya sebiji kelapa *ni* [ini] kukuran *tu* [itu] *makan* [ambil] masa, ada *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dalam *lima* [5] minit betul *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sampai\_ dari lepas Isyak sampai pukul *dua belas* [12] pukul *satu* [1]. Kukur kelapa. Biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Untuk gulai, untuk pulut, semua *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] maknanya kelapa berapa perlu bukan saja untuk gulai, untuk sayur, untuk dalca, untuk pulut, memang *dulu* [dahulu] kalau kahwin pulut *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Pulut, kukus pulut (gangguan bunyi) juru

lain pula, tukang masak orang lain pula, gulai kawah orang lain pula. Dulu dia panggil *jong* [juru] *jong* [juru] *tu* [itu] sebenarnya juru *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. *Jong nyo* [juru kukur kelapa] *jong kako* [pelayan tetamu] *jong kako* [pelayan tetamu] *ni* [ini] pelayan tetamu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia], pengangkat hidangan *ni* [ini] *dulu* [dahulu]. Sebab *tu* [itu] masyarakat *dulu* [dahulu] lebih mesra dia macam (gangguan bunyi) adik beradik. Apa jua--- jadi *tak* [tidak] banyak keluar duit. Apa upahnya? Kain batik lepas *satu* [1] helai\_ (gangguan bunyi) *takde* [tiada]. Kalau makan *free* [percuma] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] (gangguan bunyi) sekarang katering, kalau *nak* [hendak], bagi *empat ribu* [RM4000] *lima ribu* [RM5000] dia macam *tu* [itu]. (gangguan bunyi) Duit bekerja sekarang *dulu* [dahulu] *takde* [tiada].

**NFZ : Pada tahun berapakah cikgu mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan apakah pengkhususan cikgu semasa belajar di universiti ?**

**HHS :** Saya dapat tawaran ke universiti pada tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *tujuh puluh enam* [1976] *tujuh puluh tujuh* [1977] *tu* [itu] saya tahun pertama dan pada peringkat tahun *satu* [1] saya ambil subjek *Sejarah, Antropologi Sosiologi dan Ekonomi* [kursus di universiti] sampai tahun *tiga* [3] dan tahun *satu* [1] juga saya *ambik* [ambil] Diploma Pendidikan *lah* [tabiat

percakapan orang Malaysia] sebab cita-cita saya *mahu* [ingin] jadi pendidik. Tahun *empat* [4] *tu* [itu] baru saya pengkhususan ekonomi jadi ijazah saya *BA* [Bachelor of Arts] [Ijazah Sarjana Muda Kesenian] Econ [Economy] [Ekonomi], Bachelor of Art [Ijazah Sarjana Muda Kesenian] pengkhususan Ekonomi.

**NFZ : Kami mendapat tahu bahawa cikgu merupakan orang pertama yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di kampung cikgu. Apakah perasaan cikgu?**

**HHS :** Itu syukur *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *nak* [hendak] kata bangga pun tidak tapi saya pencetus keyakinan penduduk kampung saya bahawasanya anak kampung pun kalau belajar, diberi peluang belajar boleh berjaya. Sebelum *ni* [ini], macam orang kampung *takde* [tiada] keyakinan anak kampung boleh masuk universiti. Setakat jadi askar jadi kerani itu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] yang biasanya *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebelum-sebelum saya. Jadi selepas saya *tu* [tu] baru *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] ada kesedaran *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Sebenarnya kejayaan pelajar *ni* [ini] ada sangkut paut dengan sokongan kuat ibubapa

**NFZ : Bolehkah cikgu ceritakan masalah yang cikgu hadapi untuk cikgu melanjutkan pelajaran dan bagaimanakah masalah tersebut**

**diatasi?**

HHS : Masa *tu* [itu] masalah besarnya kita orang Melayu *ni* [ini] kewangan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya masih ingat apabila dapat tawaran, sekitar *dua ribu* [RM2000] duit tunai mesti ada di tangan. Orang tua saya sebagai penoreh getah tidak mempunyai wang yang cukup, terpaksa jual seekor lembu, *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] masih lagi tidak cukup. Kemudian tuan imam kampung saya *tu* [tu] jemput *anak mukim* [penduduk kampung] gotong royong beri sumbangan derma *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dan *Alhamdulillah* [perasaan bersyukur] cukup. Dan dari situ *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya berazam untuk balik untuk bertugas di Kelantan khususnya *Tanah Merah* [Kelantan] *mahu* [hendak] balas budi baik sumbangan orang kampung *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kepada saya dalam membantu pembelajaran saya.

**NFI : Adakah cikgu mendapat sebarang tawaran biasiswa atau pinjaman semasa belajar dahulu?**

HHS : Saya dapat dia panggil Derma Siswa Persekutuan masa saya tahun kedua, tahun pertama *tu* [itu] saya dalam proses membuat permohonan *tapi* [tetapi] tidak berjaya. Saya dapat tahun *dua* [2] dan dari situ *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya terus menyara kos belajar saya. Itu pun tidak banyak masa *tu* [itu] *dua ribu empat ratus* [RM2400] lebih setahun *tapi* [tetapi] cukup *lah* [tabiat percakapan



orang Malaysia]. Saya sempat beli motosikal sebuah tanpa bantuan duit ibubapa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dengan wang Derma Siswa, dia tidak panggil biasiswa, Derma Siswa. Derma Siswa *ni* [ini] macam kelas kedua *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] selepas biasiswa.

**NFI : Bagaimanakah cara cikgu menguruskan wang semasa belajar?**

**HHS :** Saya tahun pertama saya\_ duduk di kampus jadi wang *masa* [ketika] *duduk* [tinggal] di kampus *tu* [itu] banyak dipotong untuk belanja kampus *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] selain belanja kos di universiti. Tapi diluar apabila tahun kedua saya tinggal menetap di luar, saya beli sebuah rumah, rumah setingan kongsi *empat* [4] orang dekat dengan angkasapuri *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] Kuala Lumpur *tu* [itu] *Kampung Kerinchi* [Kuala Lumpur]. Sekarang *dah* [sudah] jadi *tapak flat* [tapak perumahan kos rendah] *dah* [sudah]. Saya rasa dapat jimat duit banyak *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Hari sekolah, hari universiti, hari kuliah, saya beli nasi di *Kampung Bangsar* [Kuala Lumpur] *tu* [itu] *Jalan Bangsar* [Kuala Lumpur] *tu* [itu] nasi *masa tu* [itu] *dua ringgit* [RM2] *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] nasi bungkus sudah okey *dah* [sudah]. Tapi kalau hari *tak* [tidak] sekolah *tak* [tidak] universiti *takde* [tiada] kuliah saya biasanya masak sendiri *empat* [4] orang kongsi *ala kadar* [serba sederhana] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Yang kawan saya *sorang*

[seorang] *tu* [itu] cukup pandai buat sup.[semasa hari kuliah beliau akan beli nasi di kedai makan tetapi jika hari tiada kuliah beliau akan masak bersama kawan-kawan]

**NFI : Bagaimanakah situasi pembelajaran cikgu semasa belajar di universiti?**

HHS : Amat mencabar *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebab kita anak kampung masalah besarnya ialah tidak cekap Bahasa Inggeris. Semua buku di menara gading, buku rujukan utama dalam Bahasa Inggeris jadi saya terpaksa jadikan kamus kawan baik saya, tapi walaupun menggunakan kamus, *translate* [terjemahan] saya *tak* [tidak] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] begitu baik dengan pemahaman yang betul cuma boleh *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] untuk capai kejayaan di peringkat ijazah. Saya dapat ijazah kepujian kelas *dua* [2] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kalau saya mungkin cekap Bahasa Inggeris saya mungkin berpeluang dapat *first class honest* [kepujian kelas pertama] kepujian kelas pertama *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**NFI : Pengalaman yang tidak dapat cikgu lupakan semasa menuntut di universiti?**

HHS : *Di* [pada] *satu* [1] tahun *tu* [itu] saya bercita-cita tidak mahu pulang untuk *cari* [mencari] pengalaman berhari raya di perantauan tapi

apabila dengar *takbir* [takbir raya] malam *tu* [itu] saya *dah* [sudah] *tak* [tidak] dapat tahan, menangis-nangis, *pakat* [membuat keputusan] dengan kawan-kawan *start* [hidupkan] motor balik jugak. Jadi *tak* [tidak] jadi beraya di perantauan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Itulah saya rasa kenangan--- saya bertolak balik *sembilan* [9] malam sampai rasa pukul *lapan* [8] pagi jalan bukan *Karak* [lebuhraya laluan Pahang ke Kuala Lumpur] jalan, jalan lama *dulu* [dahulu] ikut Terengganu *takde* [tiada] lagi *Gua Musang* [Kelantan] *ni* [ini]. [beliau melalui *jalan Karak* [lebuhraya laluan ke Pahang ke Kuala Lumpur] dan Terengganu kerana ketika itu lebuhraya *Gua Musang* [Kelantan] masih tidak wujud] Jadi sekitar *dua belas* [12] jam juga *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dengan motosikal dengan kawan-kawan.

**NFI : Adakah cikgu aktif semasa belajar di universiti dan apakah penglibatan cikgu semasa di universiti?**

**HHS :** Di universiti saya ahli aktif Persatuan Mahasiswa *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] kami banyak buat projek anak angkat. Saya dapat *tiga* [3] *empat* [4] anak angkat *satu* [1] di *Bangi* [Selangor] *satu* [1] di Johor khususnya tentang status ekonomi peneroka felda (gangguan bunyi) jadi kami buat kajian tentang perubahan taraf hidup, taraf ekonomi peneroka felda *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. (gangguan bunyi)

## TAMAT BAHAGIAN A

## BAHAGIAN B: PENGALAMAN PEKERJAAN DAN SUMBANGAN

**NFI : Pada tahun berapakah cikgu mula menjadi seorang guru?**

**HHS :** Saya keluarkan *post* [jawatan] tidak menganggur terus dapat peluang jadi pendidik. *Masa* [ketika] *tu* [itu] saya dapat *dua* [2] *tiga* [3] tawaran. Pertama jadi kakitangan pos tapi saya tolak *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sebab saya minat jadi guru. *Tujuh belas April sembilan belas tujuh puluh tujuh* [17 April 1977] saya keluar jadi guru. Kalau awal tadi saya cakap *tujuh puluh tujuh* [1977] masuk universiti sebenarnya *tujuh puluh tiga* [tahun 1973] *tujuh puluh empat* [tahun 1974] okey *empat* [4] tahun universiti *tu* [itu] maknanya. Betulkan tarikh *tu* [itu] nanti. Saya rasa, *tak* [tidak] silap saya, saya cakap macam *tu* [itu] *tujuh puluh tiga* [tahun 1973] *tujuh puluh empat* [tahun 1974] semasa, masa soalan tahun bila masuk universiti tadi. (gangguan suara) *Tujuh puluh tiga* [tahun 1973] *tujuh puluh empat* [tahun 1974]. Jadi saya lapor diri sebagai guru di Sekolah Vokasional Kluang Johor, *posting* [ditempatkan] pertama *tujuh belas April sembilan belas tujuh puluh tujuh* [17 April 1977].

**NFI : Bagaimanakah cikgu boleh berminat dengan kerjaya sebagai seorang guru?**

**HHS :** Itulah kita selalu melihat di kampung pun orang yang mengajar *ni* [ini] dipandang mulia *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] guru al-

Quran, tuan imam. Jadi masa *dulu* [dahulu] mana ada kehidupan yang terbuka luas *tak* [tidak] terfikir *nak* [hendak] jadi *engineer* [jututera] *nak* [hendak] jadi pegawai *nak* [hendak] jadi--- yang, yang menyebabkan saya *nak* [hendak] jadi guru sangat *ni* [ini] kerana guru berpeluang balik bertugas di negeri sendiri, di kampung halaman sendiri. Kalau jadi pegawai tadbir biasanya susah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dan guru jugak ada cuti *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Setahun beberapa kali cuti dan kerja separuh hari. Itulah pertimbangan yang menyebabkan saya membuat keputusan untuk jadi pendidik.

**NFI : Apakah faktor-faktor yang mendorong cikgu menceburi bidang ini?**

**HHS :** Faktor yang pertama kita *nak* [hendak] balas jasa penduduk kampung yang pernah membantu pembelajaran saya. Tidak ada cara lain melainkan anak-anak *dia* [orang kampung] *kita* [beliau] tolong beri pendidikan, pertama. Yang kedua- kita melihat persaingan di universiti antara pelajar Cina dan pelajar Melayu memang Melayu ketinggalan dan saya berpengalaman masa di sekolah menengah, nasib guru yang lepasan universiti, guru Melayu amat kurang. Jadi saya meletakkan diri saya sebagai *angkubah* [faktor] yang boleh mengatasi cabaran dalam dunia pendidikan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Masa *tu* [itu] guru *graduate* [graduan], guru siswazah pun amat kurang sebenarnya,

yang jadi guru, *SPM*, [Sijil Pelajaran Malaysia], menunggu *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] masa *tujuh puluhan* [tahun 70an]. [semasa tahun *tujuh puluhan* [70an] mereka yang menjadi guru adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kelayakan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] dan yang sedang menunggu keputusan *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]]

**WNN : Apakah pendapat cikgu tentang sekolah pertama yang cikgu dtugaskan?**

**HHS :** Saya seronok di sekolah itu sebab saya mengajar pelajar yang *besar* [dewasa]. Vokasional *ni* [ini] dia ambil pelajar tingkatan *empat* [4] tingkatan *lima* [5] dia macam sekolah teknik sekarang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Pelajar yang pilihan, pelajar yang tidak cemerlang akademik pun dia cemerlang ko-kurikulum. Sekolah saya *tu* [itu] pernah jadi johan bola sepak peringkat daerah *Kluang* [Johor] mengalahkan sekolah-sekolah akademik biasa.

**NFZ : Boleh kami tahu berapa lama masa yang diambil selepas cikgu konvo hingga mendapat pekerjaan?**

**HHS :** Saya rasa tidak ada jurang, saya rasa, saya lepas belajar kebetulan cuti sekolah lepas cuti sekolah terus saya dapat tawaran. *Tujuh belas bulan empat* [17 April] *tu* [itu]--- kerana tidak *satu bulan satu* [1 Januari] *dulu* [dahulu] habis universiti *bulan satu* [Januari] lebih-lebih lepas *tu*

[itu] cuti sekolah dan terus dapat tawaran. [beliau terus mendapat pekerjaan selepas tamat belajar. Pada masa dahulu universiti tamat pada bulan *satu* [1] dan persekolahan bermula pada bulan *satu* [1] jadi beliau terus mendapat pekerjaan pada waktu itu.] Tidak menganggur *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Menganggur *tu* [itu] kerana cuti sekolah.

**NFZ : Apa pendapat cikgu mengenai siswazah sekarang yang lebih banyak menganggur daripada terus mendapat pekerjaan?**

**HHS :** Pertama kerana kebanyakan siswazah kalau Melayu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] semua mengharapkan kerja di sektor awam. Jadi kalau kerja di sektor awam *ni* [ini] memang bilangannya tidak sama banyak dengan lepasan universiti *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Sedangkan kerja di sektor swasta cukup banyak tapi sikap, sikap mengharapkan kerja di sektor awam sehingga rela menganggur *tu* [itu] yang menyebabkan siswazah jadi menganggur. Kalau *dulu* [dahulu] memang universiti tidak *ramai* [banyak], sektor awam boleh menampung, bukan kata sektor awam pun banyak peluang pekerjaannya tapi boleh menampung. Sekarang sektor awam sudah tidak dapat menampung bilangan siswazah yang keluar memandangkan cita-cita negara mahu melahirkan seramai mungkin warganegara yang bertaraf ijazah. Walaubagaimanapun bukan salah negara sebenarnya, kita kena terima hakikat peluang pekerjaan *ni* [ini] terbuka luas. Kalau

tidak mahu kerja sektor awam, sektor swasta dan sebagai siswazah yang cerdas yang matang apa kata kalau mereka pilih jadi usahawan. Tetapi inilah benda yang masih lagi kita rasa terkebelakang dalam kalangan siswazah di Malaysia. Kalau sebut jadi usahawan memang siswazah Melayu serik dan tidak berani mencuba. Jauh kita banding dengan siswazah dari bangsa lain, Cina dan India. Mereka *tak* [tidak] suka jadi guru *tak* [tidak] suka jadi pegawai tadbir lebih suka menceburi dalam bidang usahawan sendiri, sebab *tu* [itu] mereka cepat kaya.

**WNN**            **Apakah mata pelajaran yang cikgu ajar semasa di sekolah pertama?**

**HHS**            Saya di sekolah vokasional *tu* [itu] oleh kerana saya *major* [utama] Ekonomi jadi saya ditugaskan mengajar Bahasa Malaysia dan menaip. Kursus menaip ada di vokasional jadi saya menyediakan teks rencana menaip dan pelajar menaip dan saya memeriksa ejaan serta keantasan menaip *dia* [pelajar] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Walaupun saya bukan cikgu yang pakar dalam menaip tapi hasil kerja murid kita boleh nilai, ketepatan ejaan daripada teks rencana yang kita baca dan kebolehan *dia* [pelajar] menaip patah perkataan dikira, berapa patah perkataan seminit.

**WNN**            **Ketika itu menaip *tu* [itu] menggunakan mesin taip ataupun sudah**



ada---

HHS           Mesin taip. Masih lagi tidak ada komputer masa *tu* [itu]. *Tujuh puluhan* [tahun 70an] tidak ada komputer.

**WNN       :**   **Penerimaan pelajar terhadap subjek *tu* [itu]?**

HHS       :  
Kebanyakan pelajar kursus perdagangan *ni* [ini] saya memang duduk di kursus perdagangan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] di samping mengajar Bahasa Melayu. Perempuan, dan memang mereka minat *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kerana boleh jadi sikap pelajar Melayu kita pada masa *tu* [itu] sanggup jadi kerani dan memang kerja kerani *ni* [ini] memang orang perempuan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] cukup suka. Jadi memang dalam kelas *tu* [itu] kalau *tiga puluh* [30] saya ingat ada *tiga* [3] orang *je* [sahaja] *laki-laki* [lelaki] yang lain perempuan. Yang *satu* [1] lagi subjek mencabar adalah *trenngkas* [kemahiran menulis dengan cepat]. *Trenngkas* [kemahiran menulis dengan cepat] *ni* [ini] saya *tak* [tidak] mengajar *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] cikgu lain *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia], yang tulisan yang macam *cacing-cacing* [sejenis tulisan] *tu* [itu] yang kalau sekarang gantinya pita rakaman *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *bawak* [bawa] tuan sendiri, dengar cakap orang utama, tokoh *tu* [itu] kemudian dia guna *trenngkas* [kemahiran menulis dengan cepat], sama jugak. Sekarang sejak teknologi canggih *ni* [ini] rakaman ini mengatasi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kemahiran

*trenkas* [kemahiran menulis dengan cepat] *dah* [sudah] tidak ada *dah* [sudah].

**WNN : Antara pelajar lelaki dan perempuan, Siapakah yang lebih senang untuk cikgu ajar?**

HSS : Kita pendidik, tidak seharusnya ada diskriminasi jantina *lah* [tabiat percakapan orang malaysia]. Kita *kene* [kena] bimbing semua kerana kursus perdagangan *ni* [ini] ramai perempuan jadi laki-laki terhad *takde* [tiada] masalah sebenarnya.

**WNN : Berapa lamakah cikgu mengajar di sekolah tersebut?**

HSS : Saya rasa *empat* [4] tahun, *pastu* [selepas] selepas itu saya balik ke Kelantan sekolah akademik biasa di Sekolah Menengah Sri Intan, Kampung Pek, [Machang].

**WNN : Bagaimana hubungan cikgu dengan rakan setugas yang baru?**

HSS : Kalau dulu-dulu memang rapat *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] guru lama dengan guru baru sebab dulu guru tidak ramai, dan kebanyakan yang jadi guru dulu sebenarnya yang betul-betul minat jadi guru. Kerana saya tengok akhir-akhir saya *nak* [hendak] bersara *ni* [ini] guru-guru kemudian *ni* [ini] *dia* [mereka] macam malu-malu nak

tanya guru lama dan kita boleh merasakan *dia* [mereka] macam *takde* [tidak ada] kerja lain terpaksa jadi guru, jadi bukan kerana betul-betul mahu jadi guru.

**WNN : Sepanjang cikgu terlibat dalam bidang perguruan ini berapa banyak sekolah yang pernah cikgu ajar?**

HSS : Pertama *posting* [dihantar] di kluang [Johor], kedua di Machang [Kelantan], yang ketiga di Dato' Mahmud Paduka Diraja [Sekolah Menengah Dato' Mahmud Paduka Diraja Tanah Merah Kelantan] *lah* [tabiat percakapan orang malaysia]. Kemudian saya ditukarkan, saya *tak* [tidak] pernah mohon tukar kecuali dari Johor balik ke Kelantan. Lepas tu saya selalu ditukarkan. Lepas Dato' Mahmud [ Sekolah Menengah Dato' Mahmud Paduka Diaraja Tanah Merah Kelantan] saya ke Sekolah Menengah Tumpat [Kelantan], lepas *tu* [itu] saya masuk Sekolah Kota Bharu [Kelantan] bermula dengan Sekolah Menengah Sultan Ismail Petra, SMIP [Kelantan], lepas *tu* [itu] sekolah Menengah Zainab *Satu*[1] [Kelantan]. Lepas *tu* [itu] saya ke Sekolah Menengah Chong Hualah [Kota Bharu Kelantan], sekolah jenis kebangsaan Cina. Selama *sepuluh* [10] tahun lebih dan saya bersara di situ.

**WNN : Boleh kami tahu sebab mengapa cikgu di tukarkan dan bukan kerana minta ditukar?**

HSS : Saya pegang *form six* [tingkatan 6], jadi dalam *form six* [tingkatan 6] Pengajian AM banyak mengajar hal politik. Jadi saya rasa *misunderstanding* [salah faham] antara kawan-kawan terutama sekali ada sekolah *tu* [itu] *Penolong Kanan Satu* [PK 1] jadi *spai* [pengintip] jadi dianggap saya mengajar belot kepada pembangkang jadi saya selalu di tuduh macam *tu* [itu] tapi kami cikgu-cikgu Pengajian AM memang nasib macam *tulah* [tulah] pernah mengajar pilihan raya siapa menang berapa kerusi menang, mengapa menang mengapa kalah jadi ketika *tu* [itu] barangkali dia *round* [pusing] dia dengar dia *takda* [tidak ada] pengalaman belajar Pengajian AM cikgu dulu-dulu jadi kami pernah di *cop* [tuduh] sebagai mengajar ada *slit* [selingan] unsur-unsur pembangkang *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] .Sebab itu saya selalu menerima dan saya tidak pernah membela diri apabila saya ditukarkan saya ambik memo saya terus bergerak dan bagi saya sebenarnya ada hikmah, saya suka saya dapat ramai kawan daripada bertukar-tukar sekolah berbanding dengan seorang cikgu dari awal kerja sampai pencen di *satu* [1]sekolah yang sama dia tentu banyak kekurangan. Saya kadang-kadang *setahun* [1], kadang-kadang *tiga* [3] tahun, kadang-kadang *dua* [2] tahun terus bertukar cuma lama di sekolah Cina barangkali itulah keinginan pihak-pihak tertentu

menukarkan saya ke situ.

**WNN : Jadi pada pendapat cikgu antara pelajar Cina dengan pelajar Melayu pelajar mana lebih berdisiplin dan menghormati cikgu.**

HSS : Orang Cina *ini* [ini] *die tidak* [dia bukan] Islam tetapi banyak nilai murni yang diamalkan oleh orang Islam ada, lebih berdisiplin, lebih gigih belajar, lebih menghormati guru, yang nakal-nakal *tu* [itu] semua ada *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] tetapi yang paling jahat pun ada dalam kalangan masyarakat Cina kalau kita rotan dia tidak puas hati dia biasa *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] dia buang angin kereta guru, *die* [dia] calar kereta guru, pelajar sekolah Melayu *takde* [tidak ada]. Tapi yang biasa kita dengar juga ada pelajar Melayu *ajak* [mengajak] guru bertumbuk di luar sekolah *ade* [ada]. Jadi ini *asam garam* [ragam] jadi pendidik *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] dan sekarang kalau kita tengok cabaran pendidik lagi besar. Guru dibunuh, ditembak di luar sekolah dan dulu *mane ade* [tidak ada] setakat ibu-bapa pergi maki hamun kerana kita merotan anak *dia* [mereka]. Tapi itu biasa *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kita *kena* [mesti] anggap [menganggap] sebagai *asam garam* [ragam] *jadi* [menjadi] pendidik.

**WNN : Apakah prinsip dan matlamat cikgu semasa mengajar?**

HSS : Saya lebih melihat, saya mengajar bukan dengan ganjaran gaji atau pangkat saya melihat apa yang saya buat *tu* [itu] adakah ALLAH taala redha. Saya selalu lepas-lepas *sembahyang* [solat] saya ber *doa* [meminta sesuatu] apakah *kerja buat* [pekerjaan yang saya] buat ini *halal* [sah] atau Allah taala izin atau redha dan barangkali atas pertimbangan itu *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] saya mendapat keberkatan anak-anak berjaya dalam pelajaran walaupun anak-anak saya tidak *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] cemerlang dari sekolah rendah.

**WNN : Dalam banyak-banyak sekolah yang cikgu ajar, sekolah manakah yang memberi impak paling mendalam dalam diri cikgu?**

HSS : Saya rasa paling mencabar saya mendidik di sekolah Cinalah, Sekolah Cina Jenis Kebangsaan Chong Hua [Kota Bharu Kelantan], sebab sebelum *tu* [itu] saya bertugas di Sekolah Menengah Zainab [Kota Bharu Kelantan] *seratus peratus* [100%] murid perempuan. Saya *tak* [tidak bawa] rotan, saya tinggi suara pun murid sudah takut murid perempuan. Apabila saya ke Sekolah Menengah Chong Hua [Kota Bharu Kelantan], Saya menjadi *Penolong Kanan Hal Ehwal Murid* [PK HEM] untuk urus hal ehwal murid. Hari pertama saya sudah di beri arahan oleh pengetua mesti bawa rotan dan mesti biasa-biasa merotan. Jadi saya sampai balik *ari* [hari] mula-mula bertugas susah

*nak* [hendak] lelapkan mata sebab saya percaya mendidik manusia bukan macam mendidik kucing. Rotan ini macam tidak layak untuk digunakan pada manusia kecuali untuk kita mendidik haiwan. Tapi sebenarnya lama-lama saya sudah dapat terima hakikat betullah orang tua kata sayangkan anak *tangan-tangankan* [perlakuan mendidik anak dengan perbuatan seperti merotan]. Jadi yang *terlampau* [terlalu] nakal *tu* [itu] kita terpaksa rotan dan mungkin dengan rotan *tulah* [itulah] dia telah membuat *transformasi* [perubahan] daripada murid yang nakal jadi murid yang baik dan saya banyak berjumpa murid-murid saya yang lepas saya ajar dia selalu mengungkit-ngungkit saya jadi macam *ni* [ini] jadi macam orang pandai jadi berguna jadi manusia kerana cikgu rotanlah [tabiat percakapan orang Malaysia]. Dulu saya tak sedar diri jadi saya rasa *alhamdulillah* [perasaan bersyukur] dari prinsip saya, saya akan siasat setelah sah salah baru saya rotan dan kadang-kadang saya tawar menawar dengan pelajar saya. Ini salah dia mengaku salah berapa rotan saya patut rotan. Dia kata *satu* [1], saya kata kalau *satu* [1] *tak* [tidak] cukup, dan berapa yang awak boleh? *Tiga* [3] cikgu dan saya pun rotan, saya rotan *tiga* [3] bukan kerana saya hendak rotan *tiga* [3]. Saya *terima* [menerima] arahan awak dengan menyuruh dirotan *tiga* [3] kali. Jadi hubungan saya dengan pelajar nakal-nakal *ni* [ini] harmoni dan saya tidak pernah pun ada musuh walaupun saya pernah diberitahu oleh guru-guru lain hati-hati mendidik *Cina* [pelajar Cina] sebab kalau dia tidak puas hati dia akan langgar kita di mana-

mana *mase kita* [semasa kita] keluar pasar dan *alhamdulillah* [perasaan bersyukur] *tidak ada* [tidak ada] dan saya mendapat kawan dan saya berkawan sampai lepas sekolah pun masih lagi dianggap kawan saya pernah ke bengkel baiki kereta pelajar saya peluk-peluk saya. Saya jadi macam *ni* [ini] sebab saya terima rotan cikgu, kalau tidak saya jadi perompak. *Yang tak* [Yang tidak] cemerlang akademik boleh jadi mekanik. Orang Cina memang macam *tu* [itu] anak dia tingkatan *tiga* [3] , tingkatan *empat* [4] yang *tak bagus* [tidak bagus] ekadematik *dia tarik* [mereka menyuruh] untuk jadi membaiki kereta, baiki motor, baiki *air cond* [penghawa dingin]. Sebab *tu* [itu] dia *tak jumpa* [tidak ada] yang *menganggur* [seseorang yang menunggu panggilan kerja]. *Tidak macam* [bukan seperti] orang Melayu macam manapun mesti masuk ke universiti. *Tak* [tidak] layak pun bagi yang mesti melanjutkan pelajaran ke Universiti. Nombor *last* [terakhir] pun paksa suruh masuk universiti. Ini antara lain benda yang kita *kena* [mesti] *baikilah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sekiranya mahu berjuang membela nasib bangsa kita.

**WNN : Apakah perasaan cikgu apabila melihat ada di antara pelajar cikgu yang cemerlang dalam pendidikan awam yang mereka duduki?**

**HSS : Itu memang kepuasanlah kita bersyukur. Saya pernah menghasilkan di**



Chong Hua ni [Sekolah Chong Hua Kota Bharu Kelantan] pelajar yang mendapat *empat* [4] dan *lima* [5] prinsipal A dan pelajar Sekolah Chong Hua [Kota Bharu Kelantan] ni [ini] banyak berterima kasih atas kejayaan kepada guru-guru. Kalau hari keputusan [peperiksaan] diumumkan memang saya menerima banyak kek *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] di meja *tidak macam* [berbanding] dengan pelajar Melayu sekiranya mereka berjaya mereka cakap kepada cikgu bahawa sudah berjaya dan ingin meminta wang, *satu* [1] prinsipal *lima puluh* [RM50] ringgit, *empat* [4] prinsipal dua ratus [RM200] ringgit. Pelajar Cina *tidak macam tu* [bukan sedemikian], mereka membawa kek dan berterima kasih kerana cikgu sudah berjaya mendidik saya, dan mari kita bersama-sama mengambil gambar ramai-ramai sebagai tanda kenangan dan salam antara ibu bapa terima kasih kepada cikgu. Jadi sikap yang jauh *tidak sama* [berbeza] antara mentaliti orang Cina dengan orang Melayu.

**NFZ : Selain rotan, boleh cikgu jelaskan bentuk atau jenis hukuman dan tindakan disiplin yang ada di sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan Cina yang pernah cikgu berkhidmat?**

**HSS : Sebenarnya apa-apa tindakan guru tidak boleh melanggar peraturan sekolah. Peraturan pekeling yang telah ditetapkan oleh Kementerian.**

Sebenarnya rotan *ni* [ini] merupakan jalan akhir, kita banyak menggunakan cara psikologi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] di sekolah ada kaunseling dan *Penolong Kanan Hal Ehwal Murid* [PK HEM] selalu menggunakan perkhidmatan kaunseling *masa* [semasa] saya menjadi Penolong Kanan Hal Ehwal Murid [PK HEM]. Selain itu kita sendiri pun sebenarnya mesti terlibat dengan konsep mengambil perhatian [caring]. Pelajar –pelajar yang nakal ini kadang-kadang ingin menarik perhatian sahaja. Jadi kalau kita *buat kawan dengan dia* [memahami mereka], kalau diantara dia ponteng sekolah dan saya pernah buat *skwad* [kumpulan] pergi ke rumah tanya ibu- bapa, kemudian kita *panggil* [menjemput] ibu-bapa berbincang jadi kebanyakan kes dapat diselesaikan dengan cara ini. Rotan *tu* [itu] merupakan langkah akhirlah saya semasa jadi [PK HEM], dua [2] batang rotan sahaja *lima* [5] tahun ke pecah, kalau cikgu Cina *satu* [1] minggu sudah pecah. *Dia memang rotan betul* [Dia memang betul-betul merotan] pelajar mereka. Kadang-kadang nampak geram rotan meja. Jadi ini lain *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] mentaliti kita ini berbeza dan kita sepatutnya bersyukur sebagai orang Islam sebab kita di ajar dengan ajarannya bahawa *manusia itu bukan anak kita* [manusia itu adalah anak kita] anugerah Tuhan walaupun *dia* [mereka] *tidak Islam* [bukan beragama Islam] *dia* [mereka] sebenarnya dari adam dan hawa *jugak* [juga]. Sebab itu saya disayangilah oleh pelajar-pelajar saya lagipun saya banyak berkomunikasi dengan pelajar tingkatan

*enam* [6] yang sudah cerdik dan matang *tapi* [tetapi] semasa saya jadi Penolong Kanan Hal Ehwal Murid [PK HEM], pelajar tingkatan *satu* [1] peralihan pun saya terpaksa *cover* [ambik alih]. Pelajar ini yang sangat nakal dan masih lagi terpengaruh dengan rakan sebaya.

**NFZ** : **Apakah reaksi pelajar terhadap hukuman dan tindakan disiplin yang wujud dan bagaimanakah reaksi pelajar Melayu dan bagaimana pula dengan reaksi pelajar Cina?**

HSS : Kalau pelajar Melayu, kita ada *dua* [2] *respondlah* [tindakbalas] yang pertama baik yang yang *kedua* [2] berdendam. Yang berdendam *ni* [ini] kadang-kadang kita biasa dengarlah *tidak sayalah* [bukan hanya dari saya sahajalah] kes-kes yang kita dengar dalam bidang pendidikan ini murid diajak bertumbuk diluar dengan guru ataupun murid menggunakan ibu bapa untuk tukarkan guru *tu* [itu] ke sekolah yang dianggap menyusahkan cikgu. Ini memang berlaku kalau sekolah Melayu khususnya di Kelantan. Kerana masyarakat Cina saya rasa *tak ada* [tidak berlaku] benda ini dan saya rasa ini kelebihan mereka, *dia pelajar Cina ni* [dan pelajar Cina ini] tidak mahu masalah disiplinnya diketahui oleh ibu-bapa. Kalau kita panggil ibu bapa untuk berbincang mereka cukup takut sebab ibu-bapa pantang dipanggil ke sekolah mereka hadir terus *tidak macam* [berbanding] dengan pelajar Melayu mereka jarang ibu bapa bekerjasama baik dan ibu-bapa cukup marah

apabila *dia* [mereka] tinggal urusan perniagaan ke sekolah. *Balik nanti* [balik daripada rumah nanti], ibu-bapa akan memukul anak mereka. Jadi saya cukup senanglah dengan kerjasama ibu-bapa masyarakat Cina. *Tapi masa saya jadi* [sewaktu saya menjadi] guru disiplin di sekolah Melayu saya tidak ada kes beratlah, pelajar yang rambut panjang saya gunting saya gunting biasalah gunting cantiklah. Jadi *tak* [tidak] ada perkara berbangkit, walaupun ada kita dengar perkara guru ditumbuk *pasal* [kerana] *tak* [tidak] puas hati menggunting rambut walaupun perasaan tidak puas hati ini tetap ada. Saya tidak ditukarkan kerana itulah tetapi ditukar kerana masalah politik di Kelantan, susah *nak* [hendak] cakap *sikit* [sedikit].

**NFZ : Apakah kegiatan KO Kurikulum di sekolah yang cikgu terlibat sebagai guru pembimbing?**

**HSS :** Oleh kerana pengalaman saya jadi pelajar *tu* [itu], saya terlibat dengan perbahasan pidato saya memang *jadi* [menjadi] hakim forum remaja *form6* [tingkatan enam], jurulatih forum remaja peringkat negeri, peringkat kebangsaan dan pidato juga *bahas* [perbahasan]. Jadi kalau yang sukan-sukan *ni* [ini] saya dah takda masa [tiada masa] sebab saya tumpukan kepada dipanggil *ko* [kokurikulum] akademik.

**NFZ : Bagaimana tahap pencapaian Ko Kurikulum tersebut?**

HSS : Saya masa duduk [Semasa saya duduk] di kampung Pek Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Intan [Johor]. Saya pernah hasilkan pelajar perempuan johan pidato peringkat negeri kemudian *bawa* [dibawa] ke Kuala Lumpur dan menang saguhati. Saya di Tanah Merah pun menang *wakil* [mewakili] negeri, *tapi* [tetapi] di Kuala Lumpur *takda* [tidak ada] rezeki. Saya semasa bertugas di Tumpat pun menang *negeri* [di peringkat negeri]. Disitulah *Jabatan Pendidikan Negeri*[JPN] Kelantan menganggap saya *ni*[ini] sebagai jurulatih yang disegani sebab *masa kita duduk* [semasa saya bertugas] di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Intan, boleh mengalahkan sekolah Kota Bharu, *satu* [1] kejutan masa duduk di Tanah Merah boleh mengalahkan Sekolah Kota Bharu dan masa duduk di Tumpat dulu-dulunya semua *ko* [kokurikulum] akademik di bolot oleh Kota Bharu sekolah besar, Faris petra [Kota Bharu], *tapi* sekolah yang tak [tidak] bernama pun naik *tapi* [tetapi] saya dikesan di situ *sampailah* [sehinggalah] [tabiat percakapan orang Malaysia] saya apabila pegang *form 6* [tingkatan enam] forum remaja saya terlibat dengan forum remaja secara langsung pengalaman yang cukup manis kita pernah *jadi* [menjadi] johan Malaysia pasukan forum remaja bukan dari sekolah saya mengajar tetapi ada bersangkutan paut dengan saya yang menjadi jurulatih. Di Sekolah Menengah Chong Hua [Kota Bharu Kelantan] saya dapat buktikan pelajar Cina boleh berpidato bahasa Melayu dan menang di Kelantan walaupun di perlilah

oleh hakim-hakim lain kerana tidak mungkin pelajar Cina boleh mengalahkan kehebatan calon Melayu dalam pidato Bahasa Melayu. Semasa itu saya menjadi ketua hakim saya *tak* [tidak] membuat keputusan sebenarnya juri kawan-kawan saya tetapi setelah dapat nombor *dua* [2] Malaysia barulah cikgu-cikgu yang rasa *tak* [tidak] adil dengan keputusan *tu* [itu] senyap dan mereka rasa kemahiran saya itu dihargailah. Walaupun saya sudah bersara saya pernah dipanggil oleh ke sekolah untuk melihat *mutu* [tahap pencapaian] pidato *mutu* [tahap pencapaian] forum remaja sekolah-sekolah yang bercita-cita *nak* [hendak] wakil Kelantan ke peringkat kebangsaan.

**NFZ : Pada pendapat cikgu adakah kegiatan Ko kurikulum juga penting kepada seorang pelajar?**

HSS : Memanglah, jika *tak* [tidak] penting macam mana kementerian suruh benda ini terlibat. Pusingan pertama ialah *dia* [mereka] beri kita pengalaman bergaul pelajar-pelajar yang aktif ini biasa dia berjaya cemerlang sebab dia biasa menggunakan fikiran kalau berpidato, kalau bermain bola juga guna fikiran sebab kalau bodoh macam mana hendak menang. Kalau acara-acara sukan pun yang pertama [1], yang *kedua* [ke2] mereka bergaul dengan kawan-kawan yang baik dari segi sekolah-sekolah lain dari segi, yang *ketiga* [ke3] mereka berdisiplin sebab untuk berjaya kerana mustahil benda *tu* [itu] dapat dibina dalam

sekelip mata tidak ada masanya. Yang *keempat* nya[ke4], dia tidak banyak menggunakan masa secara sia-sia. Ini *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kejayaan bagi pelajar, kita *tengoklah* [lihat] mana-mana sekolah pun pelajar yang aktif inilah cemerlang, dia boleh berbahas, dia boleh berpidato, dia boleh bersyair, dia boleh *best student* [pelajar terbaik] yang diam ni macam diam betullah. Itu diperingkat sekolah, di universiti itu mungkin lain sedikit sebab *dah* [sudah] matang tapi yang aktif pun sebenarnya kalau kita tengok yang aktif di universiti keluar jadi ahli politik masuk calon, kalau dia duduk di sekolah dia cepat naik pangkat. Jadi kebolehan dia bergaul dan pengalaman luas dia. Yang [Bagi yang] diam ini terus *tak* [tidak] terknenal, tenggelam macam waktu walaupun boleh hidup sekadar cukup makan namun tetapi tidak *top 10* [terbaik] dalam masyarakat.

**NFZ : Bagaimana pandangan cikgu mengenai prestasi akademik di kalangan pelajar Melayu dan pelajar Cina.**

HSS : Sebenarnya Tuhan buat yang cerdik yang bodoh ini ada dimana-mana cuma kalau kita tengok di Malaysia kebanyakan calon Melayu yang cemerlang sudah pergi ke matrikulasi, masuk perubatan , yang tinggal bersaing dengan *Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia* [STPM] calon Cina, calon Melayu yang sudah dipilih tinggal sisa-sisa kalau Cina kebanyakan *tak* [tidak] pergi .Tetapi saya melihat kejayaan calon Cina

lebih berjaya berbanding dengan calon Melayu dari semua bidang akademik ke, doktor ke, guru ke, jadi peniaga sebab dia mempunyai sejarah sendiri. Cina adalah bangsa yang pernah berhijrah, pernah tinggal di kampung asal *melawan arus badai* [melalui hidup yang sukar] datang dan tanpa sanak saudara mara di Tanah Melayu masa itu dia boleh hidup membina kehidupan. Bangsa kita tidak ada pengalaman ini celik dalam suasana yang sudah cukup selesa jadi tidak ada semangat juang yang tersendiri yang unik. Kalau kita banding dengan sejarah kaum Cina dengan kaum pendatang lain *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Saya suka kaitkan kejayaan seseorang ini dengan faktor sejarah sebab sejarah ini mempengaruhi macam jadi pewarna kepada kita. Sebab itu kita tengok pelajar Melayu yang miskin banyak yang berjaya. Sebab itu kerajaan kalau adil kalau jujur bantu yang miskin dan itu memang patut, jadi hari ini ada pembohongan kadang-kadang yang dapat biasiswa itu bukan yang miskin, yang *bapak* [bapa] sudah *eksko* [ahli-ahli jawatan] tapi semasa isi boring tulis duduk dengan nenek kerja jual sireh tulis pendapatan *lima puluh* [RM50] sebulan. Bapa pula sudah ada *tiga* [3] buah mercedez, ini biasa pembohongan dan memang tidak boleh dikesan kalau betul-betul saya rasa memang orang miskin layak diberi bantuan sebab mereka mencari, berlumba bersungguh-sungguh sebab mereka *tak ada* [tidak ada] jadi mereka mahu yang *tidak ada* [tiada] itu jadi ada. Kepada orang kaya mereka sudah ada dan nak cari apa. Semasa belajar sudah sewa di hotel,



semasa belajar sudah naik kapal terbang, semasa belajar papa sudah bawa cuti *honeymoon* [berbulan madu] ke Paris. Sedangkan yang miskin ini tidak pernah merasa nasi lauk masak *tiga* [3] rasa ikan siakap. Jadi dia mesti berjuang suatu masa nanti saya mesti belajar mesti berjaya sebab hendak bawa ibu bapa saya makan sebuah restoran yang terkenal. Saya rasa macam *mangkin* [penambah baikkkan] untuk membolehkan seseorang miskin untuk belajar bersungguh-sungguh.

**NFZ : Pada pendapat cikgu di manakah letaknya kualiti seorang guru?**

HSS : Kualiti seorang guru ini kita tidak boleh ukur dia cepat naik pangkat sebab ada banyak unsur yang tidak bersih dalam kenaikan pangkat dengan pandai *bodek* [pujuk rayu], pandai *ampu* [pujuk rayu], guna kuasa politik. Guru yang betul-betul guru adalah guru yang kalau kita jadi manusia guru yang meninggalkan kenangan dalam muridnya. Guru *yang bersultan dimata dan yang bersultan di hati* [sangat disayangi, mengajar ilmu dan memberi ilmu sehingga memberikan kesan yang mendalam]. Kita sendiri pernah dididik oleh siapa-siapa dalam banyak-banyak guru kita guru mana yang kita terkenang masih ingat jasanya dan guru itulah yang terbaik bagi sayalah, bukan guru yang cepat naik pangkat, gaji mahal, ke sekolah pakai helikopter dan guru ini pada zahirnya mungkin dia *bersultan dimata* [sangat disayangi] tapi menyampah di hati pelajar dan *itu* [itu] prinsip saya *lah* [tabiat

percakapan orang Malaysia] saya rasa.

**NFZ : Apakah aspek-aspek penting bagi menjadi seorang pendidik yang baik?**

**HSS :** Pertama sekali kita *kene* [mesti] ada ilmu sebab guru ini *kene* [mesti] berpengetahuan jadi jika *tak* [tidak] tahu macam mana nak beri ilmu, Yang kedua kita mesti tabah menghadapi cabaran tidak ada kerjaya yang *tak* [tidak] mencabar kalau guru-guru sekarang *posting* [dihantar] pun di sabah Sarawak. Jadi kalau dapat Sarawak *dah* [tabiat percakapan orang Malaysia] menangis, *sebelah pagar rumah kita minta maaf* [dengan harapan ingin tetap mengajar di tempat asal]. Walaupun tidak cabaran seperti berperang dengan komunis tetapi dalam berjauhan dengan keluarga cabaran kerenah ibu bapa nakal murid-murid, yang *ketiga* [3] mesti ada *satu* [1] sifat saya mesti berusaha untuk tambahkan pengetahuan dari semasa ke semasa. Jangan jadi cikgu yang ego, cikgu yang sombong saya dah jadi cikgu pakar, saya sudah jadi cikgu terpandai, semua orang tanya saya, *saya dah tak perlu* [saya sudah tidak diperlukan] kalau macam itu cikgu itu cepat jatuh.

**NFZ : Hubungan di antara guru dan ibu bapa amat penting dan bagi**

**menjamin mutu pendidikan anak-anak mereka. Apakah pendapat cikgu berhubung perkara ini?**

HSS : Memang penting sebab ibu-bapa pendidik sebenarnya, guru pun pendidik, ibu-bapa pendidik awal dan pendidik tidak formal. Guru adalah pendidik kemudian, dan pendidik formal, Sebenarnya anak-anak ke sekolah sudah dididik oleh ibu bapa sebab itu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kementerian galakkan peranan *Persatuan Ibu Bapa dan Guru* [PIBG]. Bagi saya kalau saya boleh buat perbandingan *Persatuan Ibu Bapa dan Guru* [PIBG] sekolah Melayu dan sekolah Cina. *Persatuan Ibu Bapa dan Guru* [PIBG] sekolah Melayu kalau di jemput hadir kalau ada tokoh politik memang ramai tapi hadir bukan ambil perhatian tentang nasib perhatian anak-anak tunjuk kepada *Yang Berhormat* [YB] penyokong setia hendak merayu mendapat biasiswa bantuan dan jemput makan kueh selepas itu balik . Ada ibu-bapa yang buku rekod pun kalau anak tanda tangan pun tidak rasa satu benda itu bercalar dan pandai-pandai engkaulah. Tetapi kaum Cina kalau kita buat majlis jemput ke mesyuarat agung *Persatuan Ibu Bapa dan Guru* [PIBG] mereka tidak hadir tetapi kalau kita *mintak* [mita] sumbangan untuk pelajaran sebab itu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] sekolah Cina mereka dapat kejayaan kerana sokongan wang ini memang cukup, kalau kita kata hendak buat kelas tambahan dia tidak bagi *sepuluh* [RM10] ringgit, *dua puluh* [RM20] ringgit. Kalau kita kata *nak* hendak] buat bngunan baru dia sanggup kalau *satu* [1] bilik

berapa kos pengetua saya hendak taja. Kalau *empat puluh* [RM40] ribu dia terus bagi *empat puluh* [RM40] ribu dan dia mahu gambarnya diletakkan dibilik dan saya pernah dapat kenangan yang cukup seronok di Sekolah Chong Hua[Kelantan].Bekas pelajar di Sekolah Chong Hua [Kota Bharu Kelantan] taja untuk siaraya *upgrade* [untuk tingkatkan]. Harga kalau tidak silap saya sekitar *seratus ribu* [RM100,000] dia taja seorang . Dan pelajar Cina ini dia memang *kenang* [mengenang] budi walaupun dia kerja dekat Hong Kong,dia kerja dekat Taiwan,dia kerja dekat jepun Jepun memang dia kalau dapat surat tahu melalui internet sumbangan ke sekolah dia tidak sombong. Pelajar Melayu kalau dah jadi universiti sekolah kebangsaan pun tidak tengok *dah* [tabiat percakapan orang Malaysia] .Sekolah saya dulu tidak *standard* [mengikuti piawaian] *jamban* [tandas] kotor, cikgu pula hodoh-hodoh.Itu yang kacang lupakan kulit , ini banyak dalam masyarakat Melayu , masyarakat Cina pun ada yang kurang baik ini tapi kalau kita timbang- timbang saya rasa masyarakat mereka sebab semangat hijrah semangat pernah susah , semangat hendak maju , semangat bersatu, Kita orang Kelantan kalau pergi ke kuala lumpur mesti kerja kuat berbanding dengan kita orang Kelantan duduk dekat kelantan. Itu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] semangat hijrah , kalau kita duduk di Kelantan duit *lima puluh* [RM50] sen kita *dah* [sudah] rasa kaya , pergi rumah mak saudara kita makan *free* [percuma], pergi umah mak sepupu makan *free* [percuma], pergi rumah pakcik makan *free*

[percuma]. Kalau *lima puluh* [RM50] sen di Kuala Lumpur kita rasa kita *pengemis* [orang yang minta belas kasihan daripada orang ramai]. Sebab itu kita kerja siang malam hendak cuti balik kampung mesti ada duit lebih sebab malu mata *ni* [ini] kata kerja kuat Kuala Lumpur mana duit raya. Sebab itu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] kita tengok yang bekerja dekat luar ini lebih mencurah curah rezeki berbanding dengan kerja di kampung sendiri. itu kalau kerja biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia], kalau kerja penjawat awam pun ada yang pagi kerja penjawat awam malam jual di pasar malam *nak* [hendak] cari duit lebih dan tidak malu sebab di Kuala Lumpur mana ada mak saudara, pakcik makcik kita tok imam kalau kat kampung lah saya rasa mati hidup *kelik* [balik] tidak buat sebab terserempak dengan orang sekampung bekas *mudim* [orang mnguruskan hal berkhatan] kita lagi malu (ketawa). Dan ini biasa *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya rasa.

**NFZ : Apakah jawatan-jawatan penting sepanjang bergelar seorang cikgu?**

**HSS :** Dalam menjawat jawatan seorang guru *ni* [ini] guru matapelajaran itu memang asas *dah* [tabiat percakapan orang Malaysia] saya pernah mengajar Bahasa Malaysia, saya pernah mengajar Sejarah, saya pernah mengajar Ekonomi, saya pernah mengajar Pengajian AM dan akhirnya

saya dengan Pengajian AM *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] sebab pengalaman memang saya penggubal sukatan *jadi* [sebagai] pemeriksa, jadi pembuat soalan , jadi saya tertumpu pada Pengajian AM *lah* [tabiat percakapan orang malaysia].Selain itu, saya juga guru tingkatan , guru persatuan, dan saya juga jurulatih *ko akademik* [kokurikulum] *lah* [tabiat percakapan orang malaysia],forum, bahas, pidato, biasa *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] .

**NFZ** : **Boleh cikgu ceritakan perbezaan sistem pendidikan pada zaman dahulu dan juga sekarang?**

**HSS** : Perbezaan *tu* [itu] yang paling besar sekali ialah pertama kita *kena* [mesti] anggap pendidikan ini dinamik ia berubah , kalau pendidikan itu kekal *tak* [tidak] berubah dia akan mati , dia akan ketinggalan zaman macam fesyen pakaian jugak *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kita terpaksa buat perubahan pertama kita *nak* [hendak] pastikan pelajar kita *laku* [boleh diterima] di luar negara . Kita pelajar cemerlang kalau sukatan lama *nak* [hendak] hantar ke Amerika *tak* [tidak] boleh ketinggalan zaman jadi kita terpaksa berubah seperti yang dilakukan oleh dunia supaya pelajar kita boleh menyambung pelajaran ke *negara luar* [luar negara] untuk kita *ambik* [ambil] kepakaran dan *pemberatan* [penekanan] kepada Bahasa Inggeris *tu* [itu] *satu* [1] daripada prasyarat. Kemudian kita juga kejar masa sebab kita tidak

mahu macam sistem pendidikan dulu tidak lulus peringkat *ketiga* [3] tunggu tingkatan *tiga* [3], *tiga* [3] tahun pun tunggu ,jadi akhir sekali umur *dua puluh* [20] tahun masih tingkatan *tiga* [3], jadi kita akan *main of power* [utamakan kuasa] tenaga kerja Malaysia akan rugi *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] . Sekarang nombor *last* [terakhir] pun angkat kita *nak* [hendak] kejar masa supaya kalau cemerlang akademik kerja untuk akademik kalau tidak cemerlang kita salur ke teknik boleh kerja sebagai juruteknik ataupun kerja guna kemahiran tangan *lah* [tabiat percakapan orang malaysia], bina bangunan , lukisan seni visual kalau sebenarnya lukisan jalanan pun banyak boleh buat duit conteng-conteng di kincir tangan pun kalau kita *duduk* [tinggal] *kat* [dekat] tempat-tempat pelancongan macam *kat* [dekat] *Kota A Famosa* [Melaka] , Masjid Negara [Kuala Lumpur],banyak dapat duit *tu* [itu] *banding* [berbanding] dengan guru *dia* [mereka] lagi seronok masa *dia* [mereka] *nak* [hendak] pergi *dia* [mereka] pergi masa *tak* [tidak] *nak* [mahu] *dia* [mereka] *tak* [tidak] *nak* [mahu] asalkan cari rezeki halal dengan kemahiran.

**NFZ : Sepanjang bergelar seorang cikgu apakah anugerah-anugerah yang pernah cikgu terima?**

**HSS : Saya pernah dapat *dua* [2] anugerah *satu* [1] anugerah perkhidmatan cemerlang *Sembilan belas Sembilan puluh lapan* [1998] , *satu* [1] lagi**

anugerah perkhidmatan cemerlang [2008] dan saya dapat anugerah lain *tu* [itu] maknanya ahli jawatan kuasa panel sukatan Pengajian AM baru *ni* [ini] sukatan baru , anugerah sebagai penceramah , anugerah sebagai hakim , hakim forum remaja *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] pelantikan dan terima kasih *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] khususnya dari pihak penaja, kalau forum remaja *ni* [ini] dewan bahasa dan pustaka *lah* [tabiat percakapan orang malaysia], kalau pidato ni kalau tingkatan *enam* [6] jabatan hasil dalam negeri , kalau peringkat sekolah tu biasa *lah* [tabiat percakapan orang malaysia].

**NFZ : Bolehkah cikgu ceritakan sumbangan cikgu kepada sekolah yang pernah cikgu berkhidmat yang mana sumbangan itu masih memberi kesan sehingga sekarang?**

HSS : Sumbangan akademik *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] maknanya kita pernah melahirkan pelajar berjaya dapat masuk Universiti bukan kerana kita juga *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kerana bantuan guru-guru lain dan usaha pelajar yang berjaya boleh masuk Universiti keluar ada jadi guru, ada jadi pegawai, ada jadi doktor jadi ini berhargalah kepada negara yang tidak berjaya pun kita bersyukur pendidikan di Malaysia ini tidak ada yang jadi lanun , jadi perompak jadi pengemis sekurang-kurangnya boleh menguruskan *rumah tangga* [keluarga] boleh mendidik anak generasi



*kedua* [2] *ketiga* [3] pelapis Malaysia yang lebih baik dan boleh bersaing *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kalau *dah* [sudah] boleh membaca dan pandai internet *ni* [ini] saya rasa *tak macam* [bukan seperti] masyarakat dulu *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] *macam katak di bawah tempurung* [pemikiran yang sempit tentang sesuatu perkara] dan tidak kurang juga mereka boleh bekerja sendiri *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] jadi mekanik , jadi peniaga yang berjaya , ini juga bagi saya sebenarnya harus kita lihat sebagai kejayaan guru jangan fikir yang jadi *pilot* [juruterbang] jadi doktor sahaja itu kejayaan kita sebenarnya . Sebenarnya *dia* [mereka] boleh menguruskan diri berjaya, *apa* [sebarang] kerjaya pun itu ada *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] *bonus* [tambahan] ataupun kepuasan bagi seorang guru.

## **TAMAT BAHAGIAN B**

## **BAHAGIAN C: PENGALAMAN DAN SUNBANGAN SELEPAS BERSARA**

**NFZ : Pada tahun berapakah cikgu bersara?**

HSS : Genap *enam puluh* [60] tahun *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999], iaitu tahun *dua ribu sebelas* [2011].

**NFZ : Apakah penglibatan cikgu selepas bersara ?**

HSS : Selepas bersara saya masih lagi berbakti *guna* [menyediakan] kelas tambahan atau *tuisyen* [kelas tambahan] ke sekolah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia], terpinggil untuk buat kelas tambahan sendiri seminggu sekali atau ceramah teknik menjawab peperiksaan dan saya juga pernah dijemput untuk kegiatan tazkirah *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] ,saya pernah bekerja sama dengan *Universiti Sains Malaysia* [USM Pulau Pinang] suatu ketika majlis berkhatan beramai-ramai saya bercakap dengan ibu bapa , saya pernah dipanggil untuk tazkirah kuliah maghrib walaupun *kita* [saya] tidak pandai hal ehwal agama *kita* [saya] *cakap* [bercakap] dari sudut pendidikan pentingnya ibu bapa memainkan peranan yang betul dalam mendidik anak-anak pada masa sekarang *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] yang banyak mencabar . Jadi setakat *ni* [ini] saya rasa saya boleh lagi memberi sumbangan *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kepada masyarakat.

NFZ : **Sepertimana yang diketahui, cikgu juga bergiat dalam menyampaikan ceramah boleh cikgu ceritakan pengalaman manis cikgu sebagai penceramah bebas?**

HSS : Penceramah bebas *ni* [ini] maknanya macam tadi *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] saya rasa yang paling manis sekali saya bercakap dikalangan ibu bapa di majlis berkhatan beramai-ramai

anjuran *Universiti Sains Malaysia* [USM Pulau Pinang] *tu* [itu] jadi saya bercakap tentang peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak dan saya rasa ramai yang memberi *respon* [tindak balas] *lah* [tabiat percakapan orang malaysia]. *Satu* [1] lagi saya pernah bercakap dengan peranan penjawat awam [orang yang bekerja di sektor kerajaan] khususnya kakitangan jururawat *Universiti Sains Malaysia* [USM] . Jadi itupun saya rasa ada *respon* [tindak balas] yang baik saya menggunakan pengalaman saya sebagai pendidik *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] walaupun saya *tidak pakar* [kurang berpengalaman] dalam bidang rawatan tapi saya boleh bercakap tentang bagaimana etika penjawat awam yang harus dilakukan khususnya berkomunikasi dengan pelanggan, orang kampung yang macam-macam status. Ada golongan cerdik , ada golongan miskin , ada golongan luar bandar dan kampung jadi sebenarnya layanan ataupun peranan kita *tu* [itu] harus berbeza-beza *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] sebab kalau melayan orang kampung yang cerdik caranya *macam lain* [berlainan] supaya tidak berlaku tidak puas hati pelanggan . Sekarang *kan* [tabiat percakapan orang malaysia] piagam pelanggan *kan* [tabiat percakapan orang malaysia] penting.

**NFZ : Disamping pengalaman manis, bagaimana pula pengalaman pahit cikgu sebagai penceramah bebas?**

HSS : Saya kalau pengalaman pahit *ni* [ini] pertama sekali tidak tepat waktu *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] penting. Kalau kita pergi ke sekolah janji pukul *tiga* [3], pukul *tiga* [3] kita sampai *tu* [itu] siar raya pun *tak ada* [tiada] kerusi pun *tak ada* [tiada] *kene* [mesti] tunggu dan itu bagi saya suatu benda yang mengecewakan *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] sebab saya biasa di sekolah kebangsaan cina *ni* [ini] *dia* [mereka] menepati masa itu benda yang saya rasa mengecewakan *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] dan yang lain itu soal janji *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kalau janji bayar bayaran lepas *tu* [itu] kita cakap-cakap *dia* [mereka] kata tidak ada bayaran jadi bukan kata kita perlukan wang tapi kita *kene* [perlu] bergerak minyak kereta pergi jauh janji pun *nak* [hendak] bayar kita pun *tak* [tidak] letak harga tapi kita macam tertunggu-tunggu bila *nak* [hendak] bayar, *tak bayar* [tidak bayar] [cikgu ketawa] itu biasa *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kenangan pahit tapi bukan kata cita-cita *nak* [hendak] cari duit dengan menceramah tapi kalau kita *panggil orang* [menjemput seseorang] mesti kita *kene* [mesti] *ade* [ada] sekurang-kurang nya *buah tangan* [sesuatu pemberian] untuk penceramah itu tapi kalau langsung bercakap jemput makan pun tidak bahkan terima kasih pun, kita pun turun *bodoh sombong* [dengan selamba] urusetia nya buat tak [tidak] tahu jadi kita terasa macam kurang beretika *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] urusetia *tu* [itu] tapi kita balik *lah* [tabiat percakapan orang malaysia], biasalah kalau *satu* [1] lagi *tu* [itu] politik punya

program amat cerewet *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] *kene* [perlu] isi borang , *kene* [perlu] *amek* [ambil] pengesahan jadi saya pun cakap terus terang *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kalau pergi ceramah terus bagi kalau isi borang ini *takpe* [tidak perlu] *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] saya tidak isi *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] tatacara yang *nak* [hendak] bagi duit pun susah jemput kita senang *pakai* [melalui] telefon saja tapi *nak* [hendak] bagi duit cukup susah *kene* [perlu] isi *tu* [itu] isi ini , *kena* [perlu] *ambik* [ambil] pengesahan dan saya rasa ada kadang-kadang *tu* [itu] tidak jujur dari segi bayaran dan kadang kita sudah terima dengan fail *tu* [itu] kita tanda tangan jumlah kosong yang ada jadi saya bimbang dia bagi kat kita *dua ratus* [RM200] kita *sign* [tanda tangan] dia tulis *lima ratus* [RM500] dia sudah dapat *tiga ratus* [RM300] *claim* [tuntut] urusetia dan banyak terjadi dan saya selalu tertanya-tanya mengapa jumlah *ni* [ini] kosong *patut* [sepatut] cikgu tanda tangan kita bagi *dua ratus* [RM200], cikgu tulis *jugak* [juga], ini tidak jumlah cikgu tinggal kosong cikgu tanda tangan dan ini suatu benda saya rasa *pade* [berdasarkan] pengalaman saya *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] sebagai penceramah saya mesti menganggap mungkin ia buruk sangka saya mengapa tinggal kosong mungkin dia *claim* [tuntut] *lima ratus* [RM500] jadi saya *sign* [tanda tangan] seolah-olah saya yang *ambik* [ambil] *lima ratus* [RM500] padahal saya diberi *dua ratus* [RM200], *tiga ratus* [RM300] lagi masuk *saku* [poket] dia , saya juga pernah buat

ceramah di sekolah ada pengetua *tu* [itu] *mintak* [minta] duit kopi [duit poket] *nak* [hendak] guna sewa, dia kita *dah* [sudah] guna dewan *dah* [sudah] *satu* [1] hal . Ini benda-benda yang *tak* [tidak] patut berlaku *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] sebagai penjawat awam *tapi* [tetapi] terpaksa *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] kita lalui *nak* [hendak] bagi ilmu *dekat* [kepada] pelajar *ni* [ini] yang macam *ni* [ini] saya *caj* [mengenakan] *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] sedikit sebagai penceramah luar tapi *dia* [mereka] *nak* [hendak] *mintak* [minta] komisyen lagi *nak* [hendak] guna dewan , sewa dewan *tu* [itu] *dah* *satu*[1] hal itu benda-benda yang saya rasa *tak* [tidak] bersih *lah* [tabiat percakapan orang malaysia] dari segi pengurusan.

**NFI : Seperti mana yang matlumat yang kami ketahui cikgu juga ada menerbitkan buku selepas bersara iaitu buku Pengajian Am dua. Berapa buah buku yang cikgu telah terbitkan?**

**HSS : Setakat *ni* [ini] baru *satu* [1] seperti mana yang ada *tu* [itu]. Kalau ada rezeki yang lain *tu* [itu] dalam proses lagi *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] . Buku yang pertama *ni* [ini] buku kerja, bukan buku teks. Saya juga ditawarkan untuk buat buku kerja. Tengok *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *kalu* [kalau] ada rezeki. Sebenarnya menulis ini bukan hobi saya *tapi* [tetapi] oleh kerana bersara, mengisi masa lapang, *satu* [1] cara *nak* [hendak] menyebarkan ilmu mungkin**

bukan cara satu-satu *saja* [sahaja], turun padang bagi ceramah, mungkin buat buku *ni* [ini] pun boleh kita jadikan satu pentas untuk menyebarkan ilmu *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**NFI : Selain daripada penceramah bebas dan juga menerbitkan buku Pengajian Am2 apakah aktiviti cikgu selepas bera jika boleh cikgu kongsikan.**

**HSS :** Saya banyak menghabiskan masa untuk mendalami bidang agama *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Saya tidak *miss* [tinggal] kalau kuliah maghrib *ke* [tabiat percakapan orang Malaysia], ceramah, kalau Ustaz Azhar *tu* [itu] saya selalu *tak* [tidak] tinggal dan saya banyak tumpu kepada siaran dalam *tv* [televisyen] sekarang dalam *tv sembilan* [9] pagi-pagi Tanyalah Ustaz, Halaqah dan saya banyak dapat ilmu dan itu mungkin berguna *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] apabila saya ke ceramah nanti sebab kadang-kadang dalam ceramah saya, saya banyak juga sentuh hal-hal dakwah *ni* [ini]. Walaupun kita bercakap di bawah tajuk Pengajian Am untuk pelajar-pelajar remaja tingkatan *enam* [6] yang barangkali boleh mereka gunakan untuk menempuh *hidup masa depan* [kehidupan di masa hadapan].

**NFI : Adakah cikgu pernah cikgu terlibat dengan mana -mana aktiviti**

**kemasyarakatan selepas bersara?**

HSS : Saya *duduk* [tinggal] disini saya jadi ahli jawatankuasa jemaah surau *Kampung Senang* [Kota Bharu, Kelantan] *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia]. *Lepastu* [selepas itu] aktiviti-aktiviti *ni* [ini] kalau cuci kubur dia *adalah* [dah ada] orang urus, *cuma* [tetapi] kita kadang-kadang banyak bagi sumbangan *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] dalam bentuk wang, untuk baiki jalan, untuk cuci longkang, kawasan sekitar *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] *ni* [ini]. *Adalah* [menyatakan bahawa terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan].

**NFI : Adakah cikgu menceburi diri dalam bidang perniagaan?**

HSS : Saya secara langsung tidak terlibat *la* [tabiat percakapan orang Malaysia], *cuma orang rumah* [isteri] saya, *pasal* [sebab] dia *tak* [tidak] kerja dia buka kedai runcit kecil-kecilan *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] urus sendiri, guna pembantu. *Cuma* [kecuali] barang *sajelah* [sahaja] kalau kehabisan stok barang kita pergi kedai beli barang *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia].

**WNN : Pada pendapat cikgu apakah maksud guru pada pandangan cikgu?**

HSS : Guru *ni* [ini] kalau kita pergi *kot* [melalui] prinsip Islam dia adalah



